

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA TEKNIKAL (KHAS)
PEMBANGUNAN SISTEM
REPOSITORI PERPUSTAKAAN
(UTM-IK CENTRALIZED REPOSITORY SYSTEM)
PERPUSTAKAAN UTM
BIL.2/2024**

TARIKH : 12 MEI 2024
MASA : 11.00 PAGI – 1.10 PETANG
TEMPAT : BILIK MESYUARAT EKSEKUTIF, ARAS 1,
BANGUNAN PRZS, UTM JB

NAMA	PERANAN / JAWATAN
<u>Kehadiran :</u>	
1. Puan Zaleha binti Atan	Pengerusi / Timbalan Ketua Pustakawan (Automasi & Multimedia) - (TKP(AM))
2. Cik Haslina binti Othman	Timbalan Ketua Pustakawan (Ilmu Pengetahuan Institusi - (TKP (IP))
3. En. Mohd Fuad bin Mohamed Yusof	Timbalan Ketua Pustakawan (Seksyen Penyelidikan)
4. En. Yusrul Hisham bin Mohd Yusof	Ketua Seksyen Automasi & Multimedia - (KAT)
5. Pn. Syahranah binti Ahmad Raqi	Pencatat Minit/Ketua Seksyen Koleksi Khas & Repositori - (KKR)
6. Pn. Haslina binti Hussin	Pustakawan Kanan, Seksyen Koleksi Khas & Repositori
7. En. Sharul bin Ismail	Pegawai Teknologi Maklumat Kanan UTMDigital
8. En. Muhammad Afiq Izzuddin bin Mat Jari	Pustakawan, Seksyen Multimedia
9. En. Ahmad Luqman bin Abdul Hamid	Pembantu Pustakawan, Seksyen Automasi
<u>Tidak Hadir (dengan penyataan) :</u>	
1. Nabilah binti Jamil	Pustakawan Kanan, Seksyen Galeri

Bil	Perkara	Tindakan
1.0	<u>Aluan Pengerusi</u> 1.1 Pengerusi membuka majlis dengan Ummul kitab Al-Fatihah sebelum mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat atas kehadiran. 1.2 Pengerusi memaklumkan mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan perubahan gerak kerja inisiatif melibatkan Pelan Tindakan 2024: enVision UTM 2025 Perpustakaan UTM bagi KHIR Pembangunan Sistem Repositori Berpusat Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System).	Makluman
2.0	<u>Permohonan Kelulusan Teknikal Pembangunan Sistem Repositori Berpusat Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System).</u> 2.1 KAT memaklumkan Jabatan Perpustakaan UTM perlu melaksanakan permohonan kelulusan teknikal kepada Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) dan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPIC) di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi memandangkan pembangunan Sistem Repositori Berpusat Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System). UTM melebihi nilai daripada RM50,000. Perkara ini dimaklumkan oleh UTMDigital kepada pihak KAT semasa Mesyuarat Permohonan Kelulusan Teknikal bagi pembangunan Sistem Repositori Berpusat Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System) di peringkat UTMDigital pada 09 Mei 2024. 2.2 Perubahan melibatkan aktiviti bagi perkara No.2.1 memberi impak kepada perancangan pencapaian bagi KHIR Pembangunan Sistem Repositori Berpusat Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System) di mana inisiatif ini memerlukan tempoh beberapa bulan dan menjejaskan inisiatif Q2 sehingga Q4 yang telah ditetapkan. 2.3 Maklumat bagi perubahan terkini bagi perkara No.2.1 telah dimaklumkan oleh KAT kepada pihak Ketua Pustakawan pada 09 Mei 2024 di Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Terus Jabatan Perpustakaan UTM Bil.1/2024 di bawah perkara Hal-hal lain. Pihak Ketua Pustakawan mengarahkan supaya pihak SAT dan BIP melihat cadangan penyelesaian bagi menyediakan Pelan B: Penjajaran semula Sistem UTM-IK bagi memastikan sasaran bagi KHIR ini dapat dicapai. Pada masa yang sama Pelan A : Pembangunan Sistem Repositori Berpusat Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System) diteruskan.	Makluman Makluman Makluman

	2.4 Bagi meneruskan Pelan A : Pembangunan Sistem Repositori Berpusat Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System), pihak SAT akan menyediakan dan menghantar kertas permohonan teknikal bagi keperluan pembentangan dan kelulusan dalam Mesyuarat JTI & JPICT sebelum 5 Jun 2024. Pihak SAT memohon kerjasama BIP dalam penyediaan menyediakan kertas permohonan berkenaan.	SAT & BIP
3.0	<u>Perubahan Gerak Kerja Pembangunan Sistem Repositori UTM (KHIR 2024)</u> 3.1 Memandangkan keputusan kelulusan permohonan hanya akan diperolehi daripada KPT dalam bulan Ogos 2024, pihak KAT mencadangkan bagi Pelan B: Penjajaran semula Sistem UTM-IK iaitu pembangunan repositori secara dalaman bagi UTM-DMS dan bagi UTM-IR, UTM-RDM dan UTM Lenses diintegrasikan secara metadata dengan menggunakan VuFind iaitu sebuah enjin pencarian perpustakaan daripada sumber terbuka. Keperluan spesifikasi teknikal dan keperluan tambahan serta maklumat terperinci berkenaan pembangunan Pelan B: Penjajaran semula Sistem UTM-IK yang terlibat akan dimaklumkan kepada ahli mesyuarat pada 14 Mei 2024. Ini termasuk perincian maklumat bagi keperluan pembersihan data daripada pihak SAT untuk memastikan pihak BIP dapat melaksanakan aktiviti berkenaan mengikut kerangka pihak SAT. 3.2 Rentetan daripada itu, gerak kerja/<i>action plan</i> bagi Pembangunan bagi Pelan B: Penjajaran semula Sistem UTM-IK bagi tempoh Q2 dan Q3 perlu dilihat semula oleh pihak BIP. Penjajaran semula <i>action plan</i> bagi Q2 dan Q3 akan dibuat oleh pihak BIP selepas menerima maklumbalas daripada pihak SAT pada 14 Mei 2024 dan perbincangan di peringkat BIP akan diadakan pada 15 Mei 2024 tindakan selanjutnya. 3.3 Bagi memastikan sasaran KHIR tercapai, mesyuarat bersetuju untuk melaksanakan soal selidik pra dan pasca (<i>pre and post test</i>) bagi mendapatkan maklumbalas pengguna berkenaan Sistem UTM-IK. TKP (IP) memaklumkan, soal selidik pra dirancang pada bulan Julai/Ogos 2024, diikuti dengan soal selidik pasca pada Oktober/November 2024 sempena pembukaan semester baharu. Soal selidik akan dijalankan secara atas talian dan responden adalah pelajar yang mengikuti Program Pendidikan Pengguna dengan bantuan Unit Sokongan Pendidikan Pengguna.	SAT BIP BIP

	3.4 Mesyuarat juga bersetuju untuk Pelan A : Pembangunan Sistem Repositori Berpusat Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System) oleh vendor yang bakal dilantik sepertimana yang telah dirancang sejurus kelulusan permohonan teknikal diterima daripada pihak KPT. Justifikasi berkaitan spesifikasi teknikal dan proses sebut harga akan disediakan oleh pihak SAT bagi memastikan perancangan ini dapat diteruskan. 3.5 Pengerusi memaklumkan, dapatan mesyuarat pada hari ini dan tindakan Pelan A dan Pelan B bersama justifikasi akan dibawa kepada perbincangan bersama En. Chew Teong Han, Pegawai Penyelidik Ketua Urusetia Penggerak Envision UTM 2025 pihak Pejabat Strategik & Hal Ehwal Korporat (OSCA) yang dijadualkan pada 16 Mei 2024. Perbincangan ini perlu memandangkan terdapat perubahan dalam <i>action plan</i> KHIR 2024. Pengerusi memohon kehadiran melibatkan beliau , TKP IP, KPY, KKR dan KAT dalam sesi tersebut.	SAT TKP(AM) TKP(IP) KPY KAT KKR
4.0	<u>Penutup</u> Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat atas kerjasama sepanjang mesyuarat. Pengerusi menangguhkan mesyuarat pada 1.10 petang dengan tasbih kifarah dan Surah Al-Asr.	Makluman

Disediakan oleh :

Syahrana

(SYAHRANA BINTI AHMAD RAQI)

Pencatat minit

Tarikh : 12 MEI 2024